

**Sukar jatuhkan Najib dalam system whip, kata pakar undang-undang
Malaysian Insider
March 10, 2016
Oleh V. Anbalagan**

Dalam demokrasi berparlimen yang mengamalkan sistem whip, menyingkirkan Datuk Seri Najib Razak daripada jawatan perdana menteri yang dipegang merupakan satu tugas sukar, kata pakar undang-undang.

Dr Abdul Aziz Bari berkata, ini adalah masalah dan perkara biasa dalam semua Parlimen yang dimodelkan mengikut Parlimen British atau sistem Westminster.

"Sebaik-baiknya, ahli Parlimen terhutang budi kepada pengundi yang meletakkan mereka di dalam Dewan Rakyat tetapi malangnya, mereka perlu mengundi mengikut apa yang ketua whip mereka katakan," kata Aziz kepada The Malaysian Insider.

Ketua whip ialah seorang pegawai dalam sesebuah parti politik yang tujuan utamanya ialah memastikan disiplin parti dalam badan perundangan.

Whip adalah "penguat kuasa" parti, yang biasanya menawarkan dorongan dan mengancam ahli bagi memastikan mereka mengundi mengikut dasar rasmi parti.

Whip juga berperanan memastikan wakil rakyat parti mereka hadir apabila undian penting dijalankan.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan bekas peguam negara Tan Sri [Abu Talib Othman](#) yang hanya 222 Ahli Parlimen di Dewan Rakyat boleh menggulingkan Najib walaupun majlis menandatangani "Deklarasi Rakyat" dibuat secara individu.

Aziz berkata dalam sistem Parlimen Malaysia, Najib boleh digulingkan apabila sekurang-kurangnya 112 ahli Parlimen sanggup mengatakan tidak kepada perdana menteri itu.

"Jika itu berlaku, beliau mesti meletakkan jawatan bersama-sama dengan ahli Kabinet.

"Agong bertanggungjawab melantik perdana menteri baharu untuk meneruskan pentadbiran negara," katanya.

Semalam, Abu Talib memberitahu The Malaysian Insider, kuasa sebenar untuk menyingkirkan Najib terletak pada 222 Ahli Parlimen – 135 daripada Barisan Nasional dan 87 di pihak pembangkang.

Beliau berkata, Najib boleh disingkirkan sama ada melalui undi tidak percaya apabila Parlimen bersidang, atau dengan membuat representasi kepada Agong sekiranya persidangan Dewan Rakyat tidak bersidang.

Selain itu, katanya ia juga boleh berlaku jika perdana menteri berundur daripada jawatannya secara sukarela.

Beliau berkata, pada masa ini tidak banyak yang boleh dilakukan orang ramai, termasuk pengundi kecuali menyatakan sokongan kepada kumpulan teras itu dan mereka hanya boleh menyuarakan pendirian melalui peti undi apabila pilihan raya umum diadakan pada 2018.

Sehingga itu, Abu Talib berkata pengundi boleh bertemu wakil rakyat mereka dan mengadu mengenai perdana menteri tetapi ia ada batasannya.

"Mereka boleh menyuarakan pendapat kepada wakil rakyat mereka, tetapi persoalannya ialah sama ada ahli Parlimen itu akan mendengar atau tidak," katanya.

Najib didesak untuk meletak jawatan susulan dakwaan yang mengaitkan beliau dengan "derma" RM2.6 bilion dan RM42 juta yang disalurkan ke dalam akaun bank peribadinya.

Pada 26 Januari, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali membersihkan Najib daripada sebarang salah laku, mengatakan tidak cukup bukti untuk mendakwanya. – 10 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/sukar-jatuhkan-najib-dalam-sistem-whip-kata-pakar-undang-undang>